

**Peneroka KESEDAR Terima Bantuan Sara Hidup RM1,000 Sebulan  
Bernama  
4 Mac, 2014**

GUA MUSANG, 4 Mac (Bernama) -- Bermula bulan ini, 2,157 peneroka di 11 Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) KESEDAR yang terbabit dengan program tanam semula menikmati peningkatan bantuan sara hidup RM1,000 sebulan berbanding RM500 sebelum ini.

Kenaikan bantuan yang membabitkan peruntukan RM200 juta daripada kerajaan pusat itu diluluskan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam perjumpaan dengan ketua-ketua peneroka di Putrajaya akhir tahun lepas.

Rata-rata peneroka yang ditemui bersyukur kerana kepimpinan kerajaan khususnya Perdana Menteri sendiri prihatin dengan nasib mereka dan meluluskan bantuan sara hidup lebih tinggi.

Ketua Peneroka RKT KESEDAR Paloh 2, Abdul Rashid Ismail berkata bantuan sara hidup sebanyak RM500 sebulan sebelum ini tidak mencukupi bagi perbelanjaan keluarga terutama berikutan peningkatan kos sara hidup sekarang.

Katanya, kehidupan kebanyakan peneroka terhimpit dengan pelbagai masalah selepas ladang mereka terbabit dengan program tanam semula yang mengambil masa panjang untuk mengeluarkan hasil.

"Kita sebelum ini menyuarakan rasa tidak puas hati dengan kadar bayaran bantuan sara hidup RM500 sebulan yang jauh lebih rendah daripada yang dilaksanakan oleh FELDA untuk menjamin kehidupan penerokanya.

Perdana Menteri mungkin menerima penjelasan yang baik daripada wakil peneroka untuk membuat tuntutan kenaikan bantuan sara hidup menyebabkan mendapat kelulusan segera," katanya.

Ketua Peneroka RKT KESEDAR Lebir, Abdul Aziz Abdul Rahman pula mengakui kebanyakan peneroka di RKT KESEDAR itu terpaksa menggadai barang kemas bagi menyara hidup keluarga kerana bantuan sara hidup RM500 sebulan tidak mencukupi.

Katanya, mereka terpaksa berbuat demikian bagi memastikan anak-anak dapat ke sekolah memandangkan peneroka tiada pekerjaan lain kecuali menunggu ladang kembali mengeluarkan hasil.

"Nasib baik kerajaan khususnya Perdana Menteri meluluskan peruntukan yang besar bagi tujuan itu, jika tidak mungkin peneroka RKT KESEDAR akan berhijrah ke bandar lain bagi mencari peluang pekerjaan.

"Setakat ini ramai yang terpaksa tinggalkan isteri dan anak di rumah, berhijrah ke negeri lain terutama ke Kuala Lumpur untuk bekerja termasuk sebagai pengawal keselamatan,"katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019324>